

Dr. M enggan komen isu Tengku Mahaleel

UM - 5 JUL 2005

KUALA LUMPUR 2 Julai – Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu melihat terlebih dahulu isu membabitkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff yang mengkritik dasar automotif negara.

Bekas Perdana Menteri itu enggan memberikan sebarang komen mengenai isu pemberian surat tunjuk sebab kepada Tengku Mahaleel dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Khazanah Holdings Berhad dan Khazanah Nasional dengan alasan beliau hanya membacanya melalui akhbar.

Beliau bagaimanapun mahu melihat perkara itu jika ia benar-benar berlaku.

“Saya baca dalam surat khabar, saya tak tahu apa pun, tak payah komen lah. Saya tak tengok saya tak tahu. Kalau betul-betul berlaku saya tengoklah apa dia,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian se-jurus tiba dari London di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, mesyuarat Khazanah Nasional yang dipengerusikan oleh beliau sehari sebelumnya tidak membincangkan isu pemberian surat tunjuk sebab kepada Tengku Mahaleel.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan menegaskan, perkara itu merupakan tanggungjawab Lembaga Pengarah Proton.